

Lima syarikat serah kontrak sertai DSA 2016

LANGKAWI: Lima buah syarikat hari ini menyerahkan kontrak mereka untuk menyertai Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia Ke-15 (DSA 2016) selama empat hari mulai 18 April, 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur.

Syarikat tersebut ialah AVP Engineering Malaysia Sdn Bhd, Sapura Secured Technologies, Destini Bhd, Weststar Group of Companies dan SME Ordnance Sdn Bhd.

Mereka menyerahkan kontrak tersebut kepada Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dalam sebuah majlis di ruang pameran DSA 2016 di Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa

Langkawi 2015 (LIMA'15) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Seri Abdul Rahim Mohd Radzi, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Tentera Darat Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor dan Pengurus DSA Exhibition and Conference Sdn Bhd Tan Sri Asmat Kamaludin.

Menurut DSA dalam kenyataan, kontrak penajaan dan



TERIMA KONTRAK: Hishammuddin (dua kanan) mewakili kemeritiannya menerima dokumen kontrak daripada Ketua Pegawai Eksekutif Destini Prima Sdn Bhd, Tunku Johan Tunku Mansor, di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi, semalam. Turut kelihatan, Zulkifeli (dua

penyertaan yang ditandatanganai daripada lima syarikat tersebut melibatkan sejumlah 1,300 meter persegi ruang pameran.

Setakat ini, 70 peratus daripada jumlah ruang pameran telah dibeli oleh 700 buah syarikat.

Disenaraikan sebagai yang terbesar di Asia dan satu

daripada pameran keselamatan dan pertahanan kelima terbesar di dunia, DSA 2016 dijangka mencatat satu lagi kejayaan pada tahun depan.

Acara itu akan memperkenalkan perkhidmatan serta teknologi keselamatan dan pertahanan yang canggih dari seluruh dunia.

Acara kemuncak DSA 2016

termasuk Perbincangan Meja Bulat Panglima Tentera Darat, Persidangan Keselamatan Siber, Bantuan Kemanusiaan dan Bentana, ASEAN Hall, mesyuarat perniagaan kepada perniagaan, perubatan tempur, pusat inovasi, pesawat udara tanpa pemandu dan demonstrasi robot tempur.

— Bernama